

Hukuman Sebat Bagi Penagih Dadah Dari Segi Saintifik

Pembentang

¹Hanis Camelia Muhar, ²Nor Fadilah Mohamad Nasir, ³Aminuddin Ruskam

¹Faculty of Electrical Engineering, ²Faculty of Science, ³Faculty of Islamic Civilization
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Statistik menunjukkan seramai 9 penagih baru dan 7 penagih berulang telah dikesan setiap hari [1]. Walaupun pelbagai perubatan dan pusat pemulihan disediakan seperti Caring Community House (CCH) dan Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), masalah ini masih tidak dapat diatasi sepenuhnya. Pihak berkuasa tempatan melaksanakan operasi merampas dadah di seluruh negara sebagai satu usaha bagi memerangi wabak ini. Islam jelas mengharamkan penyalahgunaan dadah berdasarkan beberapa hadis-hadis Rasulullah. Berdasarkan hadis-hadis ini, kesalahan buat kali pertama dikenakan 40 rotan dan kesalahan berulang boleh dikenakan jumlah yang sama ataupun lebih iaitu 80 sebatan dan di bawah prinsip ta'zir bagi kesalahan buat kali ketiga boleh dikenakan 120 sebatan ataupun penjara [2]. Para ilmuan telah mengkaji tentang hukuman sebat ke atas penagih dadah dan mendapati bahawa ia akan meninggalkan kesan yang positif kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa Islam mendahului sains moden. Penulisan ini bertujuan untuk menghuraikan isu berkaitan penagihan dadah dari sudut undang-undang jenayah dan keterangan Islam. Selain itu, hukuman sebat bagi penagih dadah dari segi saintifik juga akan dibincangkan.

Kata kunci : Dadah, Khamr, Hukuman sebat

1.0 Definisi Dadah

1.1 Definisi Dadah Secara Am

Dadah atau 'Drug' dalam Bahasa Inggeris lazimnya diertikan sebagai ubat-ubatan. Ia adalah sejenis bahan kimia tiruan atau asli, apabila dimasukkan ke dalam tubuh badan secara disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organisma dari segi fizikal atau mental [3]. Dadah juga bermaksud bahan yang digunakan untuk merawat penyakit, mengurangkan simptom atau mengubahsuai proses kimia di dalam badan untuk tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimanapun, bukan semua bahan yang dimakan dianggap dadah. Misalnya, makanan yang dimakan secara normal tidak dianggap sebagai dadah melainkan makanan tersebut diambil khas untuk tujuan tertentu (contohnya kafeina sebagai perangsang). Bahan kimia psikoaktif yang mempunyai ciri-ciri berikut dikategorikan sebagai dadah :

- Mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang)
- Digunakan bukan untuk tujuan perubatan dan penggunaannya adalah dilarang
- Diperoleh secara haram
- Membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologikal dan meningkatkan daya tahan terhadap dadah
- Mendatangkan kesan-kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang.

1.1 Definisi Dadah Menurut Islam

Dari sudut agama, dadah juga dibincangkan secara khusus. Daripada kitab suci Al-Quran, perkataan 'dadah' dikaitkan dengan nyata di dalam maksud perkataan *khamr*. Namun begitu, ia tidak merujuk kepada fungsi kehidupan biologinya. Untuk memahami dan menyedari kepentingan sepenuhnya, wajar kita mengkaji asal usul perkataan *khamr* itu.

Perkataan *khamr* berasal daripada perkataan *yakhmur*, maksudnya 'menutup, menyembunyi atau melindungi'. Oleh itu *khamr* merujuk secara meluas kepada fungsi kehidupan atau biologi sesuatu bahan yang boleh menutup, menyembunyi atau menghilangkan fungsi yang biasa dialami oleh seseorang, 'biasa' dalam hal ini dikaitkan khusus dengan keadaan 'fikiran' dan 'akal' [4].

Sebuah hadis menyebut "*Arak adalah sesuatu yang menutup akal*". Begitu juga halnya dengan dadah. Ini ialah kerana Islam menyedari pentingnya akal fikiran bagi diri seseorang. Al-Ghazali di dalam kitabnya *Ihya' Ulumu al- Din* menyebut; Ketahuilah bahawa badan manusia itu seperti sebuah kota. Akal, yakni kekuatan mengetahui daripada manusia itu adalah sebagai raja yang menguruskan hal - ehwal kota itu. Alat-alat tanggapan terdiri daripada pancaindera lahir dan batin seperti tentera-tentera dan pegawai- pegawainya. Seluruh anggota badannya itu seperti rakyatnya. Nafsu serta syahwatnya dan kemarahannya adalah sebagai musuh yang bertarung untuk menguasai kerajaannya itu dan untuk merosakkan rakyatnya.

Melalui akal fikiran seseorang menentukan haluan dan pertimbangan. Oleh itu, akal fikiran dalam erti kata sepenuhnya dapat membimbing seseorang ke arah jalan yang betul,

jalan Islam. Dengan mengambil haluan tindakan ini, manusia dikatakan terbentuk `menjadi imej yang paling mulia' (At-Tin: 4) malahan menjadi kemuncak kemuliaan semua makhluk. Dengan nilai ini, manusia diberi tanggungjawab supaya tidak menyalahgunakan atau mengabaikan penggunaan akal fikiran. Mereka yang tidak memenuhi tanggungjawab ini disebut di dalam al-Quran sebagai mereka yang tidak memahami atau yang tidak mahu berfikir menggunakan akal yang telah diberikan oleh Allah. Penyalahgunaan atau kecuaiian demikian akhirnya menurunkan taraf manusia menjadi `makhluk yang paling hina' (At-Tin: 5). Dan *Khmar* ialah salah satu daripada aspek ini kerana ia memusnahkan bukan hanya daya usaha serta keupayaan seseorang bertindak secara membina, tetapi juga kesihatan tubuh badannya. Sambung Al-Ghazali dalam kita yang sama;

"Jadi, badannya itu seperti kubu dan tempat kawalannya dan dirinya sebagai penghalang yang mempunyai pengarnya. Jika ia berjihad menentang musuhnya dan dapat mengalahkannya serta menguasainya seperti yang sepatutnya, kesannya adalah kebaikan yang layak menerima pujian. Sekiranya ia kehilangan tempat pertahanannya itu dan mengabaikan rakyatnya, maka kesannya ialah keburukan yang layak menerima balasan daripada Allah, sesuai dengan keburukan yang dilakukan itu."

Oleh itu, tidaklah keterlaluan jika ditekankan bahawa Islam sebagai satu agama yang rasional menuntut kewarasan akal fikiran, supaya manusia sentiasa sedar siapa dia dan apa yang dilakukannya. Al-Quran mengatakan `mereka akan memikul bebanan di belakang mereka' (Al-An'am: 31).

2.0 Statistik Penagihan Dadah

Sepanjang bulan Jan-Mei 2009, seramai 2,307 orang penagih telah dikesan dan menunjukkan penurunan sebanyak 62.78% berbanding tempoh yang sama tahun lalu (6,199 orang). 1.2 Mereka ini terdiri daripada 1,322 orang (57.30%) penagih baru, yang mana berlakunya penurunan sebanyak 51.75% berbanding 2,740 orang bagi tempoh yang sama tahun lalu. Manakala penagih berulang pula adalah seramai 985 orang (42.70%), mengalami penurunan sebanyak 51.75% berbanding tahun sebelumnya (2,740 orang). 1.3 Secara purata,

seramai 9 penagih baru dan 7 penagih berulang telah dikesan setiap hari sepanjang bulan Jan-Mei 2009

3.0 Hukuman Penagih Dadah

3.1 Hukuman Penagih Dadah Dari Sudut Konvensional

SEKSYEN	KESALAHAN / JENIS DADAH	HUKUMAN
398	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki 15gm atau lebih heroin dan/atau morfin • Memiliki 1000gm atau lebih candu atau mentah • Memiliki 40gm heroin atau lebih • Memiliki 200gm atau lebih ganja • Memiliki 2000gm daun koka atau lebih 	Mati Mandatori
39(A)(2)	<p>Memiliki 5-15gm heroin atau morfin</p> <p>Memiliki 250-1000gm candu</p> <p>Memiliki 50-200gm ganja</p> <p>Memiliki lebih 15-40gm kokain</p> <p>Memiliki lebih 750gm daun koka</p>	Tidak kurang lima tahun penjara atau dipenjara seumur hidup dan diwajibkan tidak kurang 10 rotan sebatan
39(A)(1)	<p>Memiliki 2-15gm heroin atau morfin</p> <p>Memiliki 100-250gm candu</p> <p>Memiliki 20-50gm ganja</p> <p>Memiliki lebih 5-15gm kokain</p> <p>Memiliki lebih 250-750gm daun koka</p>	Tidak kurang dua tahun penjara tetapi tidak lebih 5 tahun dan diwajibkan sebatan rotan antara 3 hingga 9 kali
6B	Menanam atau mengusahakan pokok ganja	Penjara seumur hidup dan diwajibkan sebatan rotan tidak kurang 6 kali
6	Memiliki kurang daripada 5gm candu	Penjara tidak lebih 5 tahun

	mentah atau daun koka atau pokok popi atau biji ganja dari popi	dan denda tidak lebih RM20,000.00
9	Memiliki kurang 100gmcandu masak	-sama-
10	Alat-alat menghisap dadah	-sama-
12(2)	Memiliki kurang 2gm heroin atau morfin Memiliki lain-lain dadah kurang daripada Sek.39(A)(1) Penjawat awam yang bertugas di penjara, pusat pemulihan, lokap polis atau mana-mana tempat tahanan dan memiliki dadah di tempat tersebut	-sama- Dirotan tidak lebih 3 sebatan
15(A)	Memasukkan dadah (dadah-dadah yang dijadualkan) ke dalam badan	Penjara tidak kurang 2 tahun atau denda tidak lebih RM5000.00
15 (B)	Berada di dalam premis tempat hisap dadah	Penjara tida kurang 2 tahun atau denda tidak lebih RM5000.00

3.2 Hukuman Sebat Ke Atas Penagih Dadah Dari Sudut Islam

Hadith-Hadith Berkenaan Hukuman Ke Atas Peminum Arak (dikiaskan dengan Penyalahgunaan Dadah)

1. Daripada Anas bin Malik (RA) bahawa seorang lelaki didapati bersalah meminum arak telah dibawa kepada Rasulullah (SAW), beliau telah dikenakan hukuman 40 sebatan dengan pelepah tamar. Abu Bakar (pada masa pemerintahannya) juga telah melakukan perkara yang sama, sehinggalah pada masa Umar (menjadi khalifah), beliau telah berbincang dengan para sahabat dan Abdul Rahman bin Auf telah mencadangkan (supaya diperberatkan hukuman kepada 80 sebatan) hudud yang paling ringan iaitu 80 sebatan [2].

2. Daripada Sayyidina Ali (RA) berkenaan kes al-Walid bin Uqbah bahawa Rasulullah (SAW) telah mengenakan 40 sebatan kepada peminum arak, begitu juga Abu Bakar (RA), adapun Umar (RA), beliau telah mengenakan 80 sebatan dan semua ini adalah sunnah, dan yang

terakhir adalah yang paling aku sukai di dalam hadith ini disebut bahawa ada seorang menyaksikan bahawa al-Walid meminum arak. Sayyidina Uthman berkata dia tidak akan memuntahkannya kecuali setelah meminumnya [5].

3. Daripada Sayyidina Muawiyah (RA) bahawa Rasulullah bersabda berkenaan peminum arak: “Sekiranya dia minum arak (buat kali pertama) sebatlah dia 40 sebatan, sekiranya dia minum arak lagi (untuk kali kedua) sebatlah dia dengan 40 sebatan, sekiranya dia minum arak lagi (untuk kali ketiga) sebatlah dia dengan 40 sebatan, sekiranya dia minum lagi buat kali ke empat penggallah lehernya (hukuman mati). Walau bagaimanapun menurut Tarmizi hadith ini sudah dinasakhkan [5].

Hadith –hadith di atas dengan jelas menyatakan hukuman kepada peminum arak ialah 40 sebatan. Kesalahannya ialah meminum arak. ‘Illah atau alasan kepada pengharaman arak ialah kerana ia memabukkan, ‘illah yang sama juga didapati pada dadah. Hadith-hadith di atas juga menunjukkan bahawa sekali minum dianggap sebagai satu kesalahan dan kesalahan itu berulang untuk kali seterusnya di mana hukuman yang lain perlu dikenakan. Pengajaran yang lain ialah ketagihan bukanlah tidak dikira sebagai penyakit yang membolehkan pesalah dimaafkan ataupun di kecualikan daripada hukuman.

Daripada hadith-hadith di atas, boleh disimpulkan bahawa hukuman yang berat boleh dikenakan keatas peminum arak. Namun amalan para sahabat dan khulafa al-Raashidin seperti Umar, Uthman dan Ali juga menunjukkan tidak ada hukuman mati dijatuhkan kepada pesalah minum arak yang berulang. Namun jelas sekali pemberatan hukuman dilakukan oleh Umar di mana peminum arak dikenakan 80 sebatan bersandarkan kepada pendapat Abdul Rahman bin Auf bahawa hukuman hudud yang paling ringan ialah 80 sebatan iaitu hukuman kepada kesalahan qadzif (tuduhan zina yang palsu terhadap seseorang yang tidak bersalah). Hukuman yang berat ini juga dipersetujui oleh Sayyidina Ali (RA). Dalam mazhab Shafie hukuman bagi kesalahan minum arak ialah 40 sebatan dan ia dianggap sebagai hudud sebagaimana yang disebut di dalam hadith.

Perlu dinyatakan di sini, menurut perspektif syariah, di samping hukuman hudud (setiap hukuman sudah ditetapkan oleh syarak), pihak berkuasa boleh mengenakan hukuman yang berat kepada sesetengah kesalahan jenayah yang merbahaya dan ini dikategorikan di bawah kesalahan ta’zir ataupun “Siyasah Syariyyah”.

Berdasarkan kepada hadith-hadith di atas bolehlah dicadangkan agar kesalahan buat kali pertama dikenakan 40 rotan dan kesalahan berulang boleh dikenakan jumlah yang sama ataupun lebih iaitu 80 sebatan dan di bawah prinsip ta'zir bagi kesalahan buat kali ketiga boleh dikenakan 120 sebatan ataupun penjara.

4.0 Hukum Sebat Penzina Dari Sudut Saintifik

Menurut para penyelidik di Novosibirsk, dengan merotan ianya mengakibatkan hormon “endorphins” terbentuk, iaitu sejenis hormon semulajadi yang menghasilkan rasa gembira dan meningkatkan respons terhadap imuniti dan menghalang rasa ketagihan dadah dan arak. Dr Sergei Speransky menyatakan rawatan merotan ini amat berkesan. Para saintis seterusnya menyarankan bahawa rawatan merotan ini ialah antara 30 ke 60 sesi rawatan merotan.

Dr Marina Chuhrova pula menyatakan bahawa beliau mempunyai pesakit tetap seramai 10 orang yang memerlukan rawatan merotan ini. Menurut beliau pada mulanya mereka tidak suka pada kaedah rawatan sedemikian, akan tetapi apabila mereka merasakan kebaikannya mereka mula gemar pada kaedah rawatan sebegini. Malah para penagih-penagih dadah dan arak tadi sanggup pula untuk membayar sekitar RM 400 untuk satu sesi rawatan merotan.

Kaedah merotan ini bukanlah satu kaedah yang baru, ianya dikesan telah diamalkan lebih 1400 tahun yang lalu. Dalam satu khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura pada 18 Oktober 2002 ianya ada menyebut bahawa hukuman untuk orang Islam yang meminum arak ialah mereka dihukum dengan 40 kali sebat. Rasulullah s.a.w bersabda “Sesiapa yang minum arak, maka sebatlah dia.” (Riwayat At-Tirmuzi). Ada pula sesetengah pendapat yang mengatakan Saidina Umar menetapkan hukuman rotan tersebut sebanyak 80 kali.

Malah melalui kuliah yang disampaikan oleh beberapa pendakwah bahawa hukuman merotan dalam Islam ini bukanlah satu hukuman yang kejam serta barbarik jika dibandingkan dengan hukuman rotan yang dijalankan di penjara Malaysia sekarang ini di mana para pesalah

yang dikenakan hukuman rotan ini boleh pangsang serta tersiat kulit mereka hanya dengan satu rotan. Hukuman rotan dalam Islam menurut mereka adalah lebih kepada pengajaran, dan teknik merotan tersebut tidak boleh mengangkat bahu, hanya setakat mengangkat lengan umpama jika dikepit buku pada bahu, buku tersebut tidak boleh jatuh ketika merotan.

5.0 Kesimpulan

Penagihan dan pengambilan dadah dianggap sebagai satu kesalahan dan perlu dihukum. Sudah tiba masanya untuk menilai kembali tanggapan bahawa penagihan adalah satu penyakit dan tidak dianggap sebagai satu kesalahan. Penagihan atau ketagihan itu sendiri adalah salah satu bukti dan kesan kepada penyalahgunaan dadah dan pengambilan dadah yang diharamkan oleh Syarak seperti minum arak. Dengan itu penagih dadah mestilah dipersalahkan dan mestilah dihukum. Hukuman bagi penagih dadah di Malaysia perlu ditinjau semula agar masalah ini dapat diatasi.

6.0 Rujukan

- [1] Laporan Dadah Mei 2009 Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri. 2009.
- [2] Negeri, A.A.K.K.D., Jurnal Antidadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal). Disember 2011. Jilid8, No.2
- [3] Ruslan, S.F.F.b., Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. 2009.
- [4] Razak, P.D.A., Dadah : Pandangan Islam , Pusat Racun Negara, USM.
- [5] Prof. Madya Dr. Azman Mohd Noor, J.F., UIA, Penyalahgunaan Dadah dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Berat Keatas Penagih Dadah di Malaysia Menurut Perspektif Shariah.